

NOTIS TENDER

CONTRACT NO. T170020 – CONSIGNMENT OF BATTERIES TO PENANG PORT SDN. BHD. (RETENDER)

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas.

Tender adalah dipelawa kepada:

1. **Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Hanya membekal bateri yang berprestasi/berjenama dan bebas penyelenggaraan.
(Must submit for reputable brand batteries of "maintenance free" type only).**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, **sebelum jam 4.30 petang.**

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

"CONTRACT NO. T170020 – CONSIGNMENT OF BATTERIES TO PENANG PORT SDN. BHD. (RETENDER)"

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender "B"** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.
Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **6 November 2017**, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.